

02 MAY 1999

Mahathir-Azhar

DR MAHATHIR BANGGA DENGAN PENCAPAIAN PELAYAR AZHAR

JITRA, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bangga dengan pencapaian Azhar Mansor yang masih ingin meneruskan percubaan belayar mengelilingi dunia secara solo walaupun menghadapi banyak cabaran.

"Beliau boleh dijadikan contoh kepada pemuda-pemuda. Dia tekun, gigih serta mempunyai semangat juang yang cukup kuat dan berani serta sanggup buat walaupun sudah menghadapi banyak cabaran," katanya.

Walaupun menghadapi pelbagai rintangan termasuk ombak yang besar dan tiang layar yang patah, Azhar tetap meneruskan pelayaran, katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

"Semasa tiang layarnya patah, beliau menghubungi Jabatan Perdana Menteri, ketika itu saya sedang sakit, untuk mendapat pendapat saya sama ada beliau perlu meneruskan pelayaran.

"Saya memberitahunya sekiranya masih sanggup, beliau boleh teruskan dan akhirnya beliau berjaya sampai ke kepulauan Falkland dalam keadaan layar yang patah," katanya.

Azhar mula belayar dari Langkawi pada 2 Feb untuk mencipta rekod dunia belayar secara solo tanpa henti bagi laluan Barat-Timur dan cuba memecahkan rekod dunia membuat pelayaran itu tidak sampai 105 hari.

Bagaimanapun, pada 12 April iaitu selepas 78 hari belayar, tiang layarnya patah di Laut Selatan berhampiran Tanjung Horn. Kini kapal layarnya "Jalur Gemilang" berada di Falkland untuk diperbaiki.

Ekoran kejadian itu, hasratnya untuk mencipta dua rekod dunia itu tidak tercapai. Bagaimanapun, mengikut World Speed Sailing Record Council, Azhar masih boleh membuat rekod yang diiktiraf oleh majlis itu iaitu belayar mengelilingi dunia secara solo dengan bantuan dan berhenti-henti melalui laluan timur.

Azhar dijadual belayar semula pada 15 atau 16 Mei ini.

Dr Mahathir berkata pencapaian Azhar, 40, pelayar kelahiran Perlis itu, adalah suatu yang membanggakan negara.

"Ini adalah jenis manusia yang diperlukan oleh negara bukannya yang jenis menghisap dadah, bohsia, bohjan, lepak dan yang terlibat dengan demonstrasi jalanan sehingga menyepak kereta orang lain," katanya.

"Tengok Azhar, dia seorang pun berani hadapi cabaran itu. Ini (perusuh)...bila ramai baru berani demonstrasi dan sepak kereta orang," kata Dr Mahathir.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata UMNO tidak bercadang untuk memperkembangkan sayapnya ke universiti-universiti tempatan seperti mana kewujudan Kelab UMNO di kalangan penuntut Malaysia di luar negara.

Katanya UMNO berpendapat adalah tidak sesuai untuk membawa masuk politik ke dalam universiti dan melibatkan para pelajar dengan kegiatan politik.

Berikutan penglibatan aktif parti pembangkang terutama Pas menarik para pelajar universiti tempatan dalam kegiatan parti itu sehingga terlibat dalam demonstrasi, wujud cadangan di kalangan pemimpin UMNO supaya parti itu masuk ke universiti bagi membendung pengaruh Pas.

Beliau berkata UMNO tidak akan mengikut jejak langkah pembangkang yang menggunakan pelajar universiti untuk kepentingan parti mereka tanpa memperdulikan nasib dan masa depan para pelajar itu.

"Bagi pembangkang yang penting mereka menang dalam pilihan raya dan pelajar itu gagal tidak mengapa," katanya.

-- BERNAMA  
MZM JM AKD